


**Izzue Islam**

Pendedahan sebagai artis berkumpulan, selain berlakon drama dan filem banyak mengajar bintang muda, Izzue Islam dalam soal bergaya. Lihat saja gayanya menggandingkan sut, kemeja-T, seluar denim dan kasut but yang cukup versatil. Tidak semestinya perlu berhabis, padanan konsep 'suai-padan' benar-benar meletakkan Izzue Islam dalam kelas tersendiri.

OK tak OK

**Randy Pangalila**

Bukan mahu mempertikaikan selera fesyen pelakon terkenal Indonesia, Randy Pangalila, tetapi gayanya kali ini nampak kurang kemas dan sedikit 'selekeh'. Memakai jaket denim dan kemudiannya bahagian lengannya tidak dilipat seolah menampakkan Randy kurang bersedia di depan kamera.



Bebas bergaya

» Koleksi pakaian terbaru Jeep penuhi gaya urban



Oleh Fairuz Zaidan
fairuzaidan@
bharian.com.my



Unsur alam semula jadi yang berwarna-warni menjadi teras gaya utama dalam membangkitkan elemen fesyen bagi tema jenama pakaian Jeep. Bak prinsip 'kehidupan tanpa batasan', penerokaan gaya yang berteraskan unsur alam memberi inspirasi buat pakaian Jeep meneroka lebih dalam tema gaya untuk 2013.


Koleksi Sayangi Bumi sebagaimana tema yang diketengahkan Jeep tahun ini nyata menjurus kepada penetapan gaya urban yang menggalakkan pencinta fesyen merasai sensasi alam semula jadi.

Mainan warna, dengan corak dan material dihangatkan oleh identiti Jeep sebelum ini di mana koleksi lengkap lelaki dan wanita saling mengujakan.

Gaya praktikal lelaki, wanita

Pencinta kembara tentu mudah tertarik dengan rekaan ditampilkan Jeep musim ini. Disesuaikan dengan keperluan semasa untuk pengguna urban, identiti rekaan terserlah untuk dinikmati peminat fesyen.

Bagi rekaan lelaki, kombinasi kemeja-T dengan seluar denim nampak cukup meriah



difokuskan oleh Jeep musim ini. Mainan warna sekali lagi mendominasi keseluruhan rekaan, sambil corak kotak-kotak, jalur serta kombinasi warna terang menjadikan penampilan jejaka lebih berseri.

Tumpuan nyata terarah pada rekaan khususnya dengan kombinasi warna terang dipraktikkan Jeep. Jika jejaka inginkan kelainan, padanan kemeja-T pada bahagian dalam serta kemeja di luar menampakkan sisi berbeza.

Rekaan wanita Jeep juga tidak kurang hebatnya di mana ciri feminin dan praktikal diberi tumpuan menyeluruh. Masih ada lagi elemen kelembutan, pada masa yang sama Jeep me-

ngekalkan gaya lasak.

Warna ceria kanak-kanak

Jeep turut menghadirkan rekaan ceria buat kanak-kanak di mana sentuhan rekaan buat si cilik tidak kurang hebatnya. Menghimpunkan kepelbagaiannya dengan fabrik terpilih, percayalah pasti ramai yang tertarik dengan pilihan gaya Jeep untuk kanak-kanak ini.

Tidak kita rekaan kanak-kanak lelaki atau perempuan, rekaan Jeep memberi makna besar pada gaya dengan elemen praktikal serta keselesaan.

Mainan warna tentu saja menambah seri buat rekaan kanak-kanak ini.

Jom melaram hujung minggu ini!